

# Malaysia jadi negara maju menjelang tahun 2020 — PM

**KUALA LUMPUR 28 Feb 1994** Majlis Dagangan Malaysia (MDM) yang mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini telah bersejua dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 — 30 tahun dari sekarang.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi MDM berkata, matlamat besar itu telah dibincangkan dan dipersetujui sebulat suara setelah beliau membenteng kertas kerja bertajuk: 'Malaysia - Jalan ke Hadapan.'

"Kertas kerja itu menggariskan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian, kadar pertumbuhan yang mesti dicapai dan kerjasama yang wajar diwujudkan di antara sektor awam dan swasta.

"Ia juga menyebutkan fokus - fokus yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan serta sektor swasta di dalam pelbagai bidang bagi mencapai matlamat tersebut," ujarnya pada sidang akhbar MDM di sini petang ini.

Perdana Menteri memberitahu, matlamat untuk menjadi sebuah negara maju tidaklah sama dengan konsep negara maju di Barat seperti di Amerika Syarikat atau Britain.

"Kita mempunyai idea kita sendiri mengenai konsep negara maju bagi Malaysia. Kita mahu Malaysia maju dalam serba serbi dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

"Kita mahu melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu, yang tidak lagi dipisahkan oleh garisan perkauman tetapi meng-

hayati cita-cita dan aspirasi yang sama," tegasnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat MDM hari ini turut membincangkan kesan ke atas ekonomi negara dan dunia akibat perang Teluk serta rancangan program penswastan kerajaan.

"Majlis ini adalah forum perbincangan yang paling tinggi di antara kerajaan dan sektor. Ia tidak akan membuat sebarang resolusi ataupun bertujuan mengikat mana-mana pihak kepada cadangan serta pandangan yang telah dibuat.

"Ia adalah sebuah forum untuk bertukar pendapat mengenai bagaimana caranya meningkatkan ekonomi negara. Ia juga akan mencatat semua pandangan serta cadangan yang telah dibuat dan terpulanglah kepada mana-mana pihak untuk memilih mana yang baik untuk dilaksanakan," ujarnya.

Menjawab soalan dari para pemberita, Perdana Menteri berkata, penubuhan dulu Majlis Penasihat Ekonomi telah tidak mencapai matlamatnya kerana kesilapan di dalam strukturnya.

"Mesuarat MDM perlu dihadiri oleh semua dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Jika perlu, kita akan tubuh jawatankuasa - jawatankuasa yang akan mengkaji sesuatu masalah dan membuat laporan.

"Cadangan telah dibuat supaya kita bermesyuarat tiga kali setahun, bagaimanapun jika perlu beberapa anggota tertentu akan mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu semasa," tegas Perdana Menteri.